



اوتیورسیتی ملیسیا قهغ السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

GARIS PANDUAN PENGURUSAN HARTA INTELEK UMPSA

KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKASURAT
1.0	Pengenalan	3
2.0	Tarikh Kuatkuasa	3
3.0	Tujuan	3
4.0	Tafsiran	4
5.0	Instrumen Undang-Undang Dan Dokumen Dasar Yang Berkaitan	5
6.0	Jawatankuasa Pengurusan Harta Intelek (JKHI)	5
7.0	Prosedur Pengurusan Harta Intelek	7
8.0	Pelaksanaan Dan Penguatkuasaan	11
LAMPIRAN		
1	Pendaftaran Hak Cipta Melalui Agensi MYIPO	12
2	Pendaftaran Harta Intelek Melalui Ejen Paten	13
3	Pendaftaran Harta Intelek : Cap Dagangan	14
4	Proses Pemeriksaan Awal Dan Laporan Subtantif Harta Intelek Melalui Ejen Paten	15
5	Penyelenggaraan / Pembaharuan Harta Intelek (IP): Paten / Utiliti Inovasi	16
6	Panduan Pemantauan Bersama Paten Ejen Hingga Kelulusan (<i>Granted</i>)	17

1.0 PENGENALAN

- 1.1. Polisi Harta Intelek atau intellectual property (IP) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah diperkenalkan bagi tujuan melindungi hasil penyelidikan, inovasi, dan kreativiti yang dihasilkan oleh penyelidik.
- 1.2. IP merangkumi pelbagai bentuk seperti paten, hak cipta, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, susunatur litar bersepadu dan petunjuk geografi yang dihasilkan oleh warga UMPSA, termasuk penyelidik. Pengurusan IP yang efektif adalah penting untuk memastikan hasil penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan dapat dilindungi, dikomersialkan, dan memberikan sumbangan kepada UMPSA, industri, dan masyarakat.
- 1.3. Garis panduan ini diselia oleh Jawatankuasa Pengurusan Harta Intelek (JKHI) UMPSA yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).
- 1.4. Garis Panduan ini terpakai kepada warga UMPSA, termasuk staf akademik, staf sokongan, dan pelajar, yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan IP.

2.0 TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa daripada tarikh dokumen ini diluluskan di Senat.

3.0 TUJUAN

Tujuan garis panduan ini dibangunkan adalah untuk memastikan pengurusan yang berkesan dan sistematik terhadap harta intelek yang dimiliki oleh universiti. Ia juga diwujudkan untuk menyediakan panduan lengkap mengenai proses pengurusan IP di universiti, merangkumi pendaftaran, penilaian, pembaharuan, penyelenggaraan, dan penamatan IP. Melindungi hasil penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan oleh universiti.

Definisi yang digunakan untuk rujukan dokumen ini:

- 4.1 **Cap Dagangan:** Simbol, nama, logo, atau gabungan unsur yang digunakan untuk mengenal pasti dan membezakan barangan atau perkhidmatan sesuatu entiti daripada yang lain.
- 4.2 **Hak Cipta:** Hak eksklusif yang diberikan kepada pencipta karya asli seperti kesusasteraan, seni, muzik, dan karya lain yang dilindungi oleh undang-undang.
- 4.3 **Harta Intelekt** bermaksud sebarang Harta Intelekt yang dilindungi oleh undang-undang Malaysia, dan termasuk :-
 - i. Akta Paten 1983
 - ii. Akta Hak Cipta 1987
 - iii. Akta Cap Dagangan 1976
 - iv. Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
 - v. Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999
 - vi. Akta Petunjuk Geografi 2000
 - vii. Peraturan Petunjuk Geografi 2001
 - viii. Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000
 - ix. Akta Varieti Baru Tumbuhan 2004
 - x. Rahsia Perdagangan
 - xi. Hak-hak lain yang terhasil daripada aktiviti intelektual dalam bidang perindustrian, perdagangan, saintifik,

kesusasteraan dan kesenian.

- 4.4 **Jawatankuasa Pengurusan Harta Intelekt (JKHI):** satu jawatankuasa di universiti yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan berkaitan dengan pengurusan IP, termasuk penilaian, pembaharuan, dan penamatan IP.
- 4.5 **Paten:** Hak eksklusif yang diberikan untuk ciptaan yang menyediakan penyelesaian teknikal baharu atau kaedah baharu untuk menyelesaikan masalah.
- 4.6 **Petunjuk Geografi:** Penanda yang mengenal pasti produk berdasarkan asal geografi dan kualiti unik yang berkaitan dengannya.
- 4.7 **Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (PIPT):** Sebuah pusat di bawah jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI) yang menguruskan semua perkara berkaitan dengan pengurusan dan pengkomersialan harta intelek universiti.
- 4.8 **Reka Bentuk Perindustrian:** Ciri estetika atau visual sesuatu produk yang memberikan rupa bentuk unik dan menarik.
- 4.9 **Universiti:** Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

5.0 INSTRUMEN UNDANG-UNDANG DAN DOKUMEN DASAR YANG BERKAITAN

Dokumen ini perlu dibaca bersama Polisi Harta Intelekt UMPSA dan sebarang dokumen berkaitan yang berkuat kuasa untuk memastikan pematuhan menyeluruh terhadap peraturan yang ditetapkan.

6.0 JAWATANKUASA PENGURUSAN HARTA INTELEK (JKHI)

6.1 Peranan

JKHI bertanggungjawab dalam penyeliaan umum, pengurusan, dan pentadbiran dasar IP universiti. Jawatankuasa ini berperanan memastikan pengurusan IP universiti dilaksanakan secara sistematik, cekap, dan sejajar dengan visi serta objektif universiti.

6.2 Keahlian

Keahlian terdiri daripada:

- i. Pengerusi: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- ii. Timbalan Pengerusi: Pengarah Kanan Inovasi dan Komersial,
- iii. Ahli:
 - Pengarah Kanan Penyelidikan
 - Minimum 2 orang Profesor
 - Minimum 2 orang Dekan atau wakil Dekan dari fakulti yang berkenaan
 - Sekretariat: Eksekutif Unit Pengurusan IP

6.3 Fungsi

6.3.1 JKHI bertanggungjawab menilai setiap permohonan perlindungan IP yang diajukan oleh perekacipta untuk menentukan kesesuaian perlindungan dan potensi komersialisasi, menyemak perlindungan IP yang hampir tamat tempoh bagi mempertimbangkan pembaharuan berdasarkan nilai komersial atau akademik serta membincangkan perihal lain berkenaan pengurusan harta intelek mengikut bidang kuasa JKHI di bawah Perenggan 5.0.

6.4 Mesyuarat

6.4.1 Mesyuarat JKHI diadakan secara berkala untuk membincangkan status permohonan IP, penilaian, dan isu-isu berkaitan IP di universiti. Keputusan yang dibuat dalam mesyuarat ini adalah muktamad dan akan disampaikan kepada pihak universiti melalui

PIPT.

6.4.2 JKHI juga berperanan dalam memutuskan sebarang isu berkaitan pertikaian hak IP di antara pihak dalaman dan luaran.

7.0 PROSEDUR PENGURUSAN HARTA INTELEK

7.1 Proses Pendaftaran IP

7.1.1 Permohonan pendaftaran IP hendaklah dikemukakan kepada PIPT oleh perekacipta yang terlibat dalam penciptaan atau pembangunan IP.

7.1.2 Setiap permohonan perlu disertakan dengan dokumen lengkap termasuk deskripsi inovasi seperti yang berikut;

- i. Deskripsi inovasi yang menerangkan nilai atau keunikan teknologi.
- ii. Kategori IP yang dipohon sebagai contoh paten, hak cipta, utiliti inovasi, atau cap dagangan.

7.1.3 PIPT akan menyemak permohonan tersebut dan memastikan bahawa ia memenuhi syarat dan kriteria perlindungan di bawah undang-undang IP yang berkenaan.

7.1.4 Bagi mana-mana geran atau projek yang tidak mempunyai KPI IP atau penyertaan pameran luar, permohonan hendaklah dibentangkan dan dinilai melalui JKHI.

7.1.5 Perekacipta atau kakitangan universiti tidak dibenarkan membuat pendaftaran harta intelek secara individu di MYIPO tanpa kebenaran rasmi daripada PIPT bagi memastikan konsistensi dan pematuhan kepada polisi universiti.

7.1.6 Hak pemilikan bagi semua harta intelek boleh dibahagikan kepada dua iaitu secara tunggal (*solely owned*) oleh UMPSA atau secara

bersesama (*jointly owned*) dengan pihak luar.

7.2 Pembaharuan Paten, Utiliti Inovasi dan Cap Dagangan

7.2.1 PIPT akan mengenal pasti Paten, Utiliti Inovasi dan Cap Dagangan yang hampir tamat tempoh dalam tempoh lima (5) tahun dan menghubungi perekacipta atau pemohon untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai status semasa penggunaan atau potensi komersial IP tersebut.

7.2.2 JKHI akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan potensi pembaharuan IP berdasarkan penilaian terhadap potensi komersial, penggunaan semasa, dan keperluan akademik.

7.2.3 Keputusan JKHI sama ada untuk meneruskan pembaharuan atau menamatkan IP akan direkodkan.

7.2.4 Jika pembaharuan diluluskan, PIPT akan meneruskan proses pembaharuan dengan MyIPO sebelum tarikh tamat tempoh pembaharuan. Semua dokumen berkaitan pembaharuan akan disimpan dalam sistem IRIMS untuk rujukan masa hadapan.

7.2.5 Jika pembaharuan tidak diluluskan, perekacipta akan ditawarkan kaedah-kaedah yang berikut;

- i. Memindahkan keseluruhan pemilikan IP daripada Universiti kepada perekacipta dengan kaedah 'Outright Sale'; atau
- ii. Membuat tawaran kepada mana-mana pihak lain yang berminat untuk membeli, memiliki dan mengkomersilkan IP tersebut setelah mendapat kebenaran Perekacipta asal; dan / atau
- iii. Membatalkan pendaftaran hak milik harta intelek berkaitan daripada rekod Harta Intelek Universiti dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

7.2.6 Kos pembaharuan IP akan ditanggung tertakluk kepada kelulusan

JKHI dan peruntukan kewangan semasa universiti.

7.3 Penamatan IP (Paten, Utiliti Inovasi dan Cap Dagangan)

7.3.1 Pengurusan Paten, Utiliti Inovasi dan perlindungan sesuatu IPCap Dagangan akan ditamatkan oleh UMPSA jika telah mencapai tempoh maksimum lima (5) tahun daripada tarikh diberi geran atau ia tidak lagi mempunyai nilai akademik atau komersial.

7.3.2 JKHI akan mengadakan mesyuarat untuk menilai sama ada Paten, Utiliti Inovasi dan Cap Dagangan tersebut wajar diteruskan atau ditamatkan berdasarkan kriteria berikut:

- i. Tidak lagi memberi manfaat komersial atau akademik.
- ii. Tiada produk atau inovasi baru yang berkaitan dengan IP tersebut.

7.3.3 Jika JKHI memutuskan untuk menamatkan Paten, Utiliti Inovasi dan Cap Dagangan, PIPT akan menghentikan pembaharuan IP tersebut bagi tahun semasa. Semua dokumen berkaitan penamatan akan disimpan di sistem IRIMS untuk rujukan.

7.4 Proses Permohonan Pendaftaran IP untuk Padanan Industri

7.4.1 Proses ini merangkumi pengurusan pendaftaran IP yang terhasil daripada kerjasama antara perekapipta universiti dengan pihak luar.

7.4.2 Perekapipta dikehendaki mengemukakan permohonan pendaftaran IP kepada PIPT, disertakan bersama MoA geran yang telah dipersetujui antara universiti dan industri.

7.4.3 JKHI bersama wakil daripada pihak industri akan membuat penilaian awal terhadap potensi teknikal dan komersial IP tersebut.

7.4.4 Perjanjian padanan IP akan dirangka dan dimuktamadkan oleh PIPT bersama pejabat perundangan.

7.4.5 Perjanjian IP perlu menyatakan hak pemilikan sama ada secara

bersama atau eksklusif, serta menetapkan hak komersial dan akademik yang relevan untuk setiap pihak.

7.4.6 IP akan didaftarkan atas nama UMPSA atau sebagai hak milik bersama dengan industri mengikut ketetapan kontrak.

7.5 Proses Pembaharuan IP untuk Projek Padanan Industri

Proses pembaharuan IP padanan industri akan dilaksanakan mengikut perjanjian hak milikan IP yang ditandatangani.

7.6 Proses Penamatan IP dalam Kerjasama Padanan Industri

Penamatan IP dilakukan sekiranya IP tersebut didapati tidak lagi mempunyai nilai komersial atau akademik. Penamatan ini memerlukan persetujuan kedua-dua pihak untuk memastikan tiada pelanggaran kontrak yang mungkin berlaku.

7.7 Tindakan Utama:

7.7.1 JKHI dan pihak industri akan berbincang untuk menilai status semasa IP tersebut, sama ada ia masih memberikan manfaat komersial, digunakan dalam produk yang dipasarkan, atau berpotensi digunakan dalam penyelidikan lanjut.


7.7.2 Sekiranya didapati bahawa IP tidak lagi relevan atau bermanfaat, pihak-pihak terlibat akan memulakan proses penamatan, dan pemindahan hak IP tersebut akan disesuaikan mengikut ketetapan kontrak. Jika terdapat klausa pemindahan hak, ia akan dilaksanakan sama ada kepada industri atau universiti, bergantung kepada kepentingan pihak-pihak terlibat.

7.7.3 Semua dokumentasi yang berkaitan dengan penamatan akan disimpan dalam sistem rekod universiti untuk rujukan dan pengarkiban pada masa hadapan.


8.0 PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN

- 8.1 Pelaksanaan garis panduan ini adalah di bawah tanggungjawab PIPT dengan kerjasama semua jabatan dan fakulti di UMPSA.
- 8.2 Sebarang ketidak patuhan oleh mana-mana staf UMPSA kepada Garis Panduan ini boleh mengakibatkan staf tersebut diambil tindakan tatatertib oleh UMPSA.
- 8.3 Sebarang perubahan kepada garis panduan ini perlu mendapat kelulusan JKHI dan Mesyuarat Senat.


PENDAFTARAN HARTA INTELEK : PENDAFTARAN HAK CIPTA MELALUI AGENSI MyIPO




CARTA ALIR PROSES KERJA PENDAFTARAN HARTA INTELLEK MELALUI EJEN PATEN




PENDAFTARAN HARTA INTELEK : Cap Dagangan




CARTA ALIR PROSES KERJA PROSES PEMERIKSAAN AWAL DAN LAPORAN SUBTANTIF HARTA INTELEK MELALUI EJEN PATEN



PENYELENGGARAAN / PEMBAHARUAN HARTA INTELEK (IP): PATEN / UTILITY INNOVATION



PENDAFTARAN HARTA INTELEK : Panduan Pemantauan Bersama Paten Ejen hingga Kelulusan (*Granted*)



Kelulusan Mesyuarat Senat Ke-231 Bil. 2/2025 26 Mac 2025

Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan Pahang Darul Makmur